



KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN

**IKLAN JAWATAN KOSONG**

- A. Pemohon-pemohon adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia yang berkelayakan dan berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan untuk membuat permohonan jawatan bertaraf kontrak seperti berikut :

**PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT GRED F41 (KONTRAK)  
( 1 Kekosongan)**

1. Kumpulan : Pengurusan dan Profesional  
Perkhidmatan
2. Klasifikasi : Sistem Maklumat  
Perkhidmatan
3. Tempoh Kontrak : Dua (2) tahun
4. Jabatan : Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri  
Kedah
5. Jadual Gaji :

Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan
RM2,315.00	RM9,618.00	RM225.00

6. Syarat Lantikan:

- a) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
- i. warganegara Malaysia,
  - ii. berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
  - iii. ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang sains komputer, teknologi maklumat, kejuruteraan komputer atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred F41: RM2,315.00); atau

- iv. ijazah sarjana dalam bidang sains komputer, teknologi maklumat, kejuruteraan komputer atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred F41: RM2,833.78); atau

- v. ijazah doktor falsafah (PhD) dalam bidang sains komputer, teknologi maklumat, kejuruteraan komputer atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred F41: RM3,145.11)

7. Deskripsi Tugas :

Bertanggungjawab mengkaji dan menganalisis kemungkinan kesesuaian sistem komputer yang sedia ada dan seterusnya mereka bentuk, membangun, melaksana, menyelenggara serta kajian semula sistem pemrosesan data dan maklumat bersesuaian dengan kegunaan Jabatan.

**PENOLONG PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT GRED FA29  
(KONTRAK)  
( 2 Kekosongan)**

1. Kumpulan : Pelaksana  
Perkhidmatan
2. Klasifikasi : Sistem Maklumat  
Perkhidmatan
3. Tempoh Kontrak : Dua (2) tahun
4. Jabatan : Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri  
Kedah
5. Jadual Gaji :

Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan
RM1,549.00	RM5,684.00	RM145.00

6. Syarat Lantikan:

- b) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
  - vi. warganegara Malaysia,
  - vii. berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan

- viii. sijil dalam bidang teknologi maklumat, prosesan data atau kejuruteraan komputer yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred FA29: RM1,549.00); atau

- ix. diploma dalam bidang sains komputer, teknologi maklumat atau kejuruteraan komputer yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred FA29: RM1,855.00).

7. Deskripsi Tugas :

Bertanggungjawab membangun program baru untuk sesuatu sistem gunaan komputer, memperkembangkan sistem komputer yang sedia ada bagi memenuhi keperluan semasa, penyelenggaraan sistem dan memberikan latihan serta bantuan teknikal kepada pihak pengguna.

**B. TARAF JAWATAN : KONTRAK**

**C. PENAKLUKAN DI BAWAH SYARAT- SYARAT SKIM PERKHIDMATAN DAN KEMUDAHAN-KEMUDAHAN**

- 1. Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan jawatan di atas adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan yang berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat keatasnya dari semasa ke semasa.

2. Kemudahan seperti Cuti Rehat Tahunan, faedah rawatan perubatan, pinjaman, bantuan sara hidup (COLA) dan sebagainya tertakluk kepada peraturan kerajaan yang sedang berkuat kuasa.

#### **D. CARA MEMOHON**

1. Pemohon-pemohon hendaklah membuat permohonan dengan memuat turun Borang **SUK/UPPK 01** di portal rasmi Kerajaan Negeri Kedah <https://www.kedah.gov.my> .
2. Pemohon yang berkelayakan sebagaimana yang ditetapkan di atas sahaja layak memohon. Borang permohonan yang lengkap hendaklah di hantar melalui e-mel dengan mengimbas (*scan*) semua dokumen yang telah lengkap ke [bpsm@kedah.gov.my](mailto:bpsm@kedah.gov.my) dengan disertakan sekeping gambar foto terbaru (berukuran pasport), salinan kad pengenalan (*IC*), salinan perakuan beranak/sijil kelahiran, salinan semua sijil-sijil persekolahan (SRP/PMR, SPM/SPVM/STPM), salinan sijil berhenti sekolah, salinan dokumen-dokumen lain yang disahkan. Tandatangan pengesahan salinan sijil/dokumen hendaklah dilengkapi dengan cop nama dan jawatannya oleh wakil rakyat/Pegawai Kerajaan Kumpulan Profesional/Penghulu/Ketua Kampung. Semua salinan sijil/dokumen hendaklah bersaiz A4.
3. Permohonan yang lewat atau tidak menurut peraturan di atas akan ditolak.

#### **E. ALAMAT PERMOHONAN DAN TARIKH TUTUP**

1. Borang Permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah dimuat naik dan dihantar dalam bentuk salinan e-mel kepada [bpsm@kedah.gov.my](mailto:bpsm@kedah.gov.my) .

*Subject:* Permohonan Jawatan Kontrak (Nama Jawatan)

***U.p. Unit Pengurusan Pegawai Kontrak***

2. Tarikh tutup permohonan jawatan :  
**25 Ogos 2021 (Rabu) Jam 5.00 petang**

**F. CATATAN AM**

1. Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk ditemuduga. Sebarang keputusan yang dibuat berkaitan dengan urusan ini adalah muktamad.
2. Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 6 bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
3. Pemohon yang berjaya akan ditempatkan mengikut kepentingan perkhidmatan.
4. Sila patuhi arahan yang diberikan.